

# Mahathir gesa mereka membantu DEB tidak sekat orang China untuk berniaga

**KUALA LUMPUR, Ahad.**— Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad malam ini menggesa golongan peniaga China melibatkan diri sepenuhnya dalam Dasar Ekonomi Baru (DEB) dengan semangat dan fikiran yang terbuka.

Perdana Menteri menegaskan, mereka perlu mengurangkan amalan perkauman dan diskriminasi seperti mengambil pekerja-pekerja dan melantik agen atau jurujual.

"Mereka juga tidak harus bersikap diskriminasi sewaktu berhubung dengan para pelanggan," kata beliau ketika berucap di Majlis Makan Malam Tahunan Gabungan Dewan Perniagaan dan Perindustrian China Malaysia, di sini.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, penubuhan Dewan Perniagaan dan Perindustrian China bertujuan membantu masyarakat China mengendalikan perniagaan dan perusahaan.

Ia tidak ditubuhkan untuk menentang dasar-dasar Kerajaan," katanya sambil berharap Dewan akan turut sama membangunkan ekonomi negara.

Katanya, DEB tidak berniat menyekat perniagaan orang-orang China. "Saya yakin jika diteliti benar-benar Dasar itu secara positif, ia akan membantu masyarakat China dan perniagaan mereka," ujarnya lagi.

Perdana Menteri berkata, DEB menekankan perkembangan ekonomi untuk menuju pergerakan yang lebih sihat. "Dasar ini menolong semua orang tanpa mengira kaum dalam perniagaan," tegasnya.

Belliau berkata, golongan peniaga China akan mendapat faedah dari DEB jika mereka memainkan peranan dan merebut peluang-

peluang yang terdapat dalam Dasar itu.

Itulah sebabnya saya seringkali menekankan perlunya peniaga-peniaga China berfikir terbuka dan menyertainya secara rasional dalam pergerakan ekonomi negara," kata beliau lagi.

Di samping itu, Perdana Menteri juga mengingatkan bahawa pertelagahan antara peniaga-peniaga China dengan Kerajaan tidak akan menyelesaikan masalah malah mungkin memburukkan suasana.

Belliau menjelaskan, jika ditinjau dasar-dasar Kerajaan yang ada, golongan peniaga China tidak akan diketepikan. "Malah DEB bukan untuk menyekat hak dan kebebasan mereka," jelasnya.

Tegas Datuk Seri Dr. Mahathir, DEB sentiasa membuka peluang kepada sesiapa saja termasuk dari golongan peniaga China.

Jika ekonomi negara terus maju dan berkembang, masyarakat China juga akan turut sama menikmati kepesatan itu, ujarnya.

Sejak beliau menjadi Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir sering menekankan perlunya tenaga penggerak khususnya di bidang ekonomi memahami dan sekaligus dasar-dasar Kerajaan.

"Saya yakin mereka akan memberi sumbangan yang berharga ke arah kejayaan setiap dasar Kerajaan," kata beliau lagi.

Datuk Seri Dr. Mahathir juga berkata, Kerajaan telah dan sedang berusaha memastikan bidang pentadbiran dibekalkan dengan perkhidmatan yang berkesan.

"Setiap rakyat termasuk pegawai-pegawai Kerajaan dan ahli politik di negara ini perlu pergi bekerja tepat pada masanya dan berkhidmat penuh cemerlang dan dedikasi," katanya.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia